



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### KPWKM TINGKATKAN KERJASAMA STRATEGIK KORPORAT BAGI MANFAATKAN KUMPULAN SASAR

**16 JANUARI, SHAH ALAM:** Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) meningkatkan kerjasama strategik dengan syarikat-syarikat korporat dalam usaha membantu kumpulan sasaran Kementerian yang memerlukan bantuan dan sokongan sosial agar mereka dapat menjalani kehidupan dengan lebih selesa, dihormati dan tidak disisihkan selaras dengan konsep Malaysia MADANI.

KPWKM menyambut baik serta menghargai komitmen dan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh syarikat korporat, NGO mahupun individu melalui program Tanggungjawab Sosial Korporat/*Corporate Social Responsibility* masing-masing dalam membantu mangsa bencana atau kumpulan sasaran yang memerlukan seperti yang dilakukan oleh Gardenia melalui inisiatif #GardeniaCares.

Gardenia adalah antara syarikat korporat yang aktif membantu menyalurkan bantuan kepada kumpulan sasaran KPWKM terutamanya mangsa-mangsa bencana. Selain itu, melalui lawatan ini KPWKM juga meneroka peluang kerjasama bagi memperkasakan program Bengkel Daya dan Anjung Sinar di bawah kendalian Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Bengkel Daya merupakan Bengkel Terlindung di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang dikhususkan bagi Orang Kurang Upaya (OKU) yang tidak berdaya saing untuk mendapat pekerjaan di pasaran terbuka. Bengkel ini menyediakan latihan dan peluang pekerjaan kepada warga warga Orang Kurang Upaya (OKU) dalam pelbagai bidang termasuk roti dan pastri supaya mereka dapat meningkatkan tahap keupayaan, kebolehan, pengetahuan dan kemahiran bagi memberi sumber pendapatan kepada mereka. Pada masa ini terdapat dua buah Bengkel Daya yang diuruskan oleh JKM iaitu Bengkel Daya Klang dan Bengkel Daya Sungai Petani.

Anjung Sinar adalah pusat transit sementara di bawah seliaan Yayasan Kebajikan Negara (YKN) dengan kerjasama JKM yang menyediakan sistem sokongan sosial kepada kanak-kanak lepasan institusi JKM bagi memperkasa potensi kanak-kanak dengan menyediakan peluang pendidikan dan kemahiran bagi persediaan ke arah mendepani masa hadapan.

Antara kerjasama yang boleh dilaksanakan adalah dari sudut latihan kemahiran serta perkongsian teknologi khususnya dalam bidang pembuatan roti dan pastri bagi membantu pelatih di Bengkel Daya meningkatkan kualiti produk keluaran mereka. Selain itu, tawaran peluang pekerjaan juga amat dialu-alukan bagi memberi peluang pekerjaan kepada OKU dan anak-anak institusi di bawah JKM ini supaya mereka mendapat peluang pekerjaan di pasaran terbuka.

KPWKM sentiasa mengalu-alukan peluang kolaborasi strategik jangka panjang sebegini dengan mana-mana syarikat korporat bagi memberi lebih impak kepada program Tanggungjawab Sosial Korporat yang dilaksanakan oleh mereka selain memberi lebih manfaat kepada kumpulan sasar KPWKM.

YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini melakukan lawatan kerja ke Kilang Gardenia seterusnya merasmikan program *Gardenia KL Factory Tour Programme* yang baru diaktifkan semula selepas dihentikan susulan pandemik Covid-19 dan bencana banjir.

Turut hadir YBhg. Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM. Sekumpulan pelatih Bengkel Daya Klang juga turut dibawa melawat dan diberi taklimat berkaitan pembuatan roti dan pastri bagi menambah pengetahuan mereka dalam bidang berkaitan.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
16 JANUARI 2024**